■ NORDIN JADI

3

Nordin, Khadijah terima Anugerah Sukan Johor

29 JUN 1988

B. Harian (M)

PELARI jarak sederhana kebangsaan, Nordin Jadi dan pesilat negara, Khadijah Salleh, dipilih sebagai Olahragawan dan Olahragawati Johor 1987 pada Malam Anugerah Sukan Negeri Johor, di Johor Bahru, malam tadi, *lapor MOHD NOOR HASHIM.*

Juara lari 400 meter Sukan SEA Jakarta dan pemenang pingat gangsa Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur itu, menerima sebuah piala, sijil dan cek bernilai $1,000 seorang.

Selain mempamer kecemerlangan di Sukan SEA, termasuk membantu rangkaian pelari berganti-ganti 1600 meter memenangi pingat emas, dia juga memenangi pingat perak acara kegemarannya itu di Kejohanan Padang dan Trek Asia, di Singapura.

Atlit tunggal Johor yang terpilih mewakili negara ke Sukan Olimpik Seoul itu, juga mencatat kejayaan di Kejohanan Lari Berganti-ganti Asean Ketiga, di Jakarta.

Manakala Khadijah Salleh dipilih berdasarkan kejayaannya selain memperolehi pingat gangsa di Kejuaraan Silat Sedunia Ke-4 di Kuala Lumpur, juga mendapat tempat ketiga di Sukan SEA Jakarta.

Pelajar Sekolah Rendah Convent Johor Baru, Maureen Tan Mei Joon, 11, dan M Ramachandran, 22, masing-masing dipilih sebagai Olahragawati dan Olahragawan Harapan Negeri Johor.

Maureen dipilih berdasarkan kejayaan kecemerlangannya bagi permainan tenis remaja peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sementara Ramachandran dipilih atas kejayaannya dalam larian jarak jauh 5000 meter.

Salleh Haji Ali, dari Muar pula dipilih sebagai Pemimpin Sukan Terbaik kerana berjaya memimpin pelumba-pelumba basikal negeri itu mencatat kejayaan gemilang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pasukan kriket negeri itu dipilih sebagai Pasukan Terbaik, berdasarkan kejayaannya menjuarai Kejohanan Kriket Persatuan Kriket Malaysia (MCA) buat kali pertama tahun lalu.